

BAB 1

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Keretakan rumah tangga dan masalah perceraian bukanlah suatu fenomena yang asing di dalam masyarakat sekarang. Seringkali kita dengar isu ini diperbincangkan dan ianya telah mendapat perhatian serius daripada berbagai-bagai pihak. Sesungguhnya masalah ini tidak boleh dipandang remeh kerana ia boleh membawa impak yang negatif terhadap ahli keluarga dan juga generasi pewaris masa depan. Oleh yang demikian, penulis melihat masalah ini perlu dikaji dengan lebih mendalam dan mencari punca terjadinya masalah ini. Seterusnya mengenalpasti kaedah-kaedah dan strategi-strategi tertentu dalam menangani masalah tersebut.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Mendirikan rumah tangga bukanlah suatu perkara yang mudah dan boleh dipandang ringan. Setiap pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga perlu memahami dengan mendalam tentang hakikat sebuah keluarga Islam. Mereka perlu memahami tentang tanggungjawab masing-masing, cara mendidik anak-anak dan bijak dalam menangani krisis atau pertelingkahan yang berlaku dalam keluarga. Dalam proses pembentukan keluarga bahagia, Islam telah menggariskan

berbagai-bagai panduan dan cara supaya dapat dimanfaatkan dalam mengekalkan kebahagiaan rumah tangga.

Walau bagaimanapun, kita dapati wujud sesetengah pasangan yang mendirikan rumah tangga hanya dapat bertahan dalam jangka waktu yang amat pendek. Perkara ini berpunca daripada kurangnya pemahaman di kalangan pasangan berkenaan terhadap hakikat sebenar pembentukan sebuah keluarga dan kurangnya keprihatinan serta tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap anggota keluarga. Jadi, setiap ahli keluarga perlu bijak mengurus rumah tangga di samping menghayati ajaran-ajaran al-Qur'an dan menjadikannya sebagai panduan di dalam setiap aspek kehidupan.

Selain daripada itu, kita lihat banyak terdapat di dalam masyarakat sekarang, orang yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dan mempunyai kedudukan yang baik tetapi mereka gagal di dalam kehidupan berumah tangga. Hidup mereka sering dihujani dengan berbagai-bagai konflik dan masalah yang boleh menggugat kerukunan rumah tangga. Malah, yang lebih malang terdapat pasangan yang mengambil jalan mudah untuk menyelesaikan krisis yang berlaku iaitu dengan memutuskan ikatan perkahwinan yang telah lama terjalin. Pada dasarnya, ia berkemungkinan berlaku disebabkan adanya sikap ambil mudah mengenai ilmu pengetahuan tentang rumah tangga itu sendiri.

Melihat kepada masalah-masalah yang berlaku inilah, berbagai-bagai pihak telah mengambil berbagai-bagai inisiatif untuk menangani masalah tersebut secara langsung. Di antaranya ialah usaha yang diambil oleh Jabatan Agama Islam

Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan menubuhkan satu unit khas iaitu Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PPKI). Ia merupakan salah satu usaha kerajaan ke arah merangsang pembangunan institusi keluarga Islam bagi menghadapi cabaran alaf baru. Semoga hasrat yang murni ini dapat menuju kepada matlamatnya dan mengurangkan peratus penceraian di Malaysia dan di Wilayah Persekutuan khususnya.

1.3 PENGERTIAN TAJUK.

Perkataan “penghayatan”: membawa maksud ‘perihal menghayati, perihal mengalami dan merasai dalam batin’.¹ Daripada definisi tersebut dapat difahami bahawa sesuatu perkara yang termasuk di dalam konsep penghayatan bukan sekadar difahami dan dihayati bahkan dipraktikkan di dalam kehidupan seharian.

Al-Qur’an adalah sebuah kitab suci yang lengkap dan diturunkan sebagai petunjuk dan panduan kepada semua manusia. Di dalamnya terkandung berbagai-bagai jenis ilmu pengetahuan yang mencakupi segenap aspek kehidupan manusia. Allah S.W.T menjelaskan di dalam al-Qur’an dengan firman-Nya yang berbunyi:

مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ

Maksudnya: “Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab al-Qur’an ini; kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan”.

¹Teuku Iskandar *et.al* (2000), *Kamus Dewan*, e. 3, c. 5. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 447.

Di samping itu, al-Qur'an juga memainkan peranan penting terhadap tamadun manusia di mana ianya menyeru umat manusia supaya menggunakan akal fikiran untuk kemajuan dan ketinggian tamadun mereka. Di antara firman Allah S.W.T yang berbunyi:

أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبْرَإِيلَ كَيْفَ خَلَقْتَهُ (١٧) وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ
رُفِعَتْ (١٨) وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ (١٩)

Maksudnya: "Maka apakah mereka tidak memperhatikan unta bagaimana ia diciptakan, dan langit, bagaimana ia ditinggikan? Dan gunung-gunung bagaimana ia ditegakkan?"

Sūrah al-Ghāsyiyah (88) : 17-19.

Al-Qur'an yang merupakan sumber asas hukum Islam adalah merupakan rujukan utama yang paling lengkap dan sempurna. Maka, tidak hairanlah kiranya terdapat begitu banyak ayat yang menyentuh tentang isu-isu kekeluargaan, bermula dari sebelum berkahwin, selepas berkahwin dan juga cara untuk menyelesaikan masalah yang timbul dalam rumah tangga. Justeru, di dalam kajian ini, penulis berhasrat untuk menyingkap sebahagian ayat yang bersangkutan dengan bidang kajian walaupun tidak secara menyeluruh dan terperinci.

Bertepatan dengan sifat dan peranan al-Qur'an yang merupakan sebaik-baik tempat rujukan yang dapat menyelesaikan segala masalah manusia, maka seharusnya ia difahami dan dihayati dengan sebaik-baiknya. Allah S.W.T juga menerangkan tentang kepentingan menghayati ajaran al-Qur'an di mana Dia

menjanjikan kesudahan yang baik bagi mereka yang menghayati, seterusnya mengamalkan ajaran al-Qur'an di dalam kehidupan.

Seterusnya merujuk kepada perkataan 'khidmat nasihat': khidmat berupa 'pemberian nasihat (panduan, maklumat, dsb)'.² Daripada pengertian tersebut dapatlah difahami bahawa khidmat nasihat merupakan usaha pihak tertentu dalam melahirkan perbuatan atau pekerjaan yang berupa nasihat atau petunjuk untuk kebajikan dan kepentingan mereka yang memerlukannya. Ia merupakan tujuan utama penubuhan Pusat Pembangunan Keluarga Islam di mana ia merupakan usaha pihak JAKIM dan JAWI iaitu untuk memberi khidmat kepada masyarakat setempat. Menurut perancangan awal penubuhan PPKI ini akan ditumpukan di setiap negeri di seluruh Malaysia tetapi pergerakannya tidak dapat berjalan secara sempurna dan teratur disebabkan masalah-masalah tertentu.

Walaupun yang demikian, penulis telah memilih Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur sebagai tempat kajian di mana PPKI tersebut telah beroperasi secara efektif walaupun ia hanya baru berusia setahun jagung. Adalah diharapkan daripada kajian ini, dapat meningkatkan mutu perkhidmatan atau sekurang-kurangnya penulis dapat menyumbangkan sebarang input yang berguna kepada PPKI tersebut. Semoga usaha yang dilakukan oleh penulis dengan kerjasama yang amat membanggakan daripada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, akan mendapat keberkatan dan keredhaan Allah S.W.T. Wallāhu A'lam.

² *Ibid*, h. 674.

1.4 KEPENTINGAN TAJUK

Malaysia hari ini berada pada tahap yang amat membanggakan di mana ia begitu pesat membangun seiring dengan era kebangkitan Islam. Masyarakat hari ini tidak mahu ketinggalan di dalam mengejar segala kemewahan dan kesenangan hidup. Oleh yang demikian, ramai yang sanggup mengorbankan sebahagian besar daripada masa dan tenaga mereka untuk mencapai matlamat tersebut. Di samping itu, mereka harus sedar bahawa kewujudan institusi keluarga juga tidak boleh dipandang remeh kerana kepincangan di dalam keluarga boleh membawa kesan yang negatif kepada masyarakat dan negara. Ilmu kekeluargaan yang berlandaskan Islam merupakan satu aset penting yang perlu dipelajari oleh setiap ibu bapa samada melalui pembelajaran mahupun pembacaan.

Pendidikan anak-anak tidak patut diserahkan sepenuhnya kepada pihak sekolah, malah ibu bapa perlu mengambil perhatian yang serius dalam mendidik anak-anak dan mengawal tingkahlaku mereka dan menerapkan nilai-nilai keislaman yang tinggi di dalam membentuk peribadi anak-anak.

Melihat kepada faktor-faktor inilah, penulis merasa terpenggil untuk mengkaji isu kekeluargaan menurut Islam di samping menyediakan panduan pembinaan keluarga yang berlandaskan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah. Pada masa yang sama, penulis telah memilih satu tempat kajian iaitu Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Semoga usaha yang dilakukan ini dapat mendatangkan manfaat kepada penulis dan juga pihak-pihak tertentu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

1.6 SKOP KAJIAN.

Kajian ini adalah menjurus kepada penumpuan terhadap hakikat sebenar konsep kekeluargaan menurut perspektif Islam, di samping memberikan penumpuan terhadap penghayatan ajaran al-Qur'an di dalam isu kekeluargaan.

Sebagai permulaan kajian, penulis akan mengkaji secara langsung dan meneliti ajaran al-Qur'an yang menyentuh secara langsung tentang proses pembinaan keluarga, bermula daripada pra perkahwinan hinggalah selepas mendirikan rumah tangga iaitu pendidikan anak-anak menurut Islam. Di samping itu, penulis juga akan membincangkan tentang penyelesaian dalam menghadapi krisis rumah tangga seperti mana yang digariskan oleh Islam.

Kajian yang dilakukan oleh penulis adalah kajian yang berbentuk lapangan, maka penulis memilih satu tempat kajian iaitu Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Ia adalah sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh JAWI dan JAKIM. Organisasi ini menyediakan perkhidmatan kekeluargaan Islam kepada masyarakat setempat iaitu sekitar Wilayah Persekutuan. Daripada kajian ini penulis berhasrat untuk meninjau secara langsung dan melihat sejauh mana Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) tersebut mempraktikkan ajaran al-Qur'an di dalam perkhidmatan yang ditawarkan.

1.7 METODOLOGI KAJIAN.

Kenneth D. Bailey mendefinisikan metod sebagai “teknik penyelidikan atau alat yang digunakan untuk mengumpul data”.³ Di dalam kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa kaedah penyelidikan yang utama iaitu:-

1.7.1) PENGUMPULAN DATA.

Dalam proses pengumpulan data, penulis telah menggunakan dua kaedah utama iaitu Penyelidikan Perpustakaan dan Penyelidikan Lapangan.

1.7.1.1) Penyelidikan Perpustakaan.

Bagi mendapatkan maklumat tentang dalil-dalil atau ajaran al-Qur'an yang menyentuh secara langsung dengan isu kekeluargaan, penulis telah merujuk kepada buku-buku dan bahan-bahan bacaan yang terdapat di perpustakaan. Selain daripada itu, penulis juga telah membuat rujukan secara langsung terhadap kitab al-Qur'an sendiri dan juga kitab-kitab tafsir yang telah dihasilkan oleh ulama muktabar. Buku-buku, jurnal dan monograf yang menjadi rujukan penulis secara keseluruhannya adalah terdiri daripada hasil penulisan di dalam Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Penulis mendapatkan data dan maklumat daripada bahan bacaan primer dan sekunder dari :-

- i) Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

³Kenneth D. Bailey (t.t), *Methods of Social Research*, New York: The Free Press, h. 26.

- ii) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- iii) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak.
- iv) Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- v) Perpustakaan Pusat Islam, Kuala Lumpur.
- vi) Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur.

1.7.1.2) Penyelidikan Lapangan.

Oleh kerana penyelidikan yang diusahakan oleh penulis adalah berbentuk lapangan, kaedah ini merupakan sesuatu yang penting. Dalam menggunakan kaedah ini, penulis telah memilih metod temubual, metod dokumentasi dan metod historik. Kaedah-kaedah ini membolehkan penulis melihat dan mendapatkan secara terus data-data yang berkaitan dengan bidang kajian.

a) Metod Temubual.

Metod temubual atau juga dikenali sebagai metod wawancara ialah metod yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seseorang responden dengan bertemu dan bercakap secara berhadapan dengannya.⁴ Metod ini biasanya digunakan untuk memperolehi maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya yang diperlukan untuk mencapai sesuatu objektif penyelidikan.

⁴Koentjaraningrat (1986), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta : Penerbit PT Gramedia, h. 129.

Sasaran penulis di dalam metod ini ialah pihak pentadbiran Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul dan Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Masjid (KESUMA), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Melalui temubual ini, penulis ingin mendapatkan maklumat berkenaan dengan latar belakang penubuhan PPKI di samping mengetahui aktiviti dan perkhidmatan yang disediakan oleh pertubuhan tersebut. Selain daripada itu, penulis ingin mengetahui bagaimana pegawai-pegawai yang ditugaskan di PPKI menyelesaikan masalah kekeluargaan yang diajukan oleh penduduk setempat.

b) Metod Dokumentasi.

Metod ini digunakan dalam mengumpul data yang berbentuk dokumen atau tulisan. Penulis buku "*Methods of Social Research*" mendefinisikannya sebagai "sebarang bahan bertulis yang mengandungi maklumat tentang sesuatu fenomena yang hendak dikaji".⁵ Data-data yang dikumpul diperolehi daripada sumber bacaan primer dan juga sekunder. Di dalam kajian ini, penulis mengaplikasikan sepenuhnya metod ini di dalam bab 2 dan 3 di mana penulis mengkaji dan mengumpul maklumat yang menyentuh secara langsung tentang isu-isu kekeluargaan. Penulis akan merujuk kepada kitab al-Qur'an dan al-Hadith yang dihasilkan oleh ulama muktabar. Seterusnya penulis juga mengumpul maklumat daripada hasil-hasil tulisan yang berautoriti yang membincangkan tentang isu-isu kekeluargaan. Selain daripada itu, penulis

⁵Kenneth D. Bailey (t.t), *op.cit.*, h.266.

juga mendapatkan maklumat daripada bahan-bahan lain seperti jurnal, kertas kerja seminar dan majalah.

c) Metod Historik.

Kaedah ini penting di dalam sesuatu penyelidikan bagi mengumpul serta menentukan bukti dan fakta secara sistematik dan objektif. Di dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah ini di dalam bab 4. Bab ini menyentuh secara langsung tentang sejarah penubuhan PPKI seterusnya mengkaji objektif penubuhan organisasi tersebut dan maklumat lain yang bersangkutan dengan latar belakang penubuhan organisasi tersebut.

1.8 SISTEMATIKA PENULISAN

Kajian ini memfokuskan tentang kekeluargaan Islam berlandaskan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah secara umum dan mengkaji tentang penghayatannya di dalam khidmat nasihat Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Kajian disertasi ini dibahagikan kepada enam bab utama yang didahului dengan pendahuluan dan diakhiri dengan penutup sebagaimana berikut:-

Bab Pertama, merupakan bahagian pengenalan umum kepada kajian. Di dalamnya mengandungi pengenalan, latar belakang masalah, pengertian tajuk, kepentingan tajuk, objektif kajian, skop kajian, metodologi kajian dan sistematika penulisan.

Bab Kedua, dimulakan dengan pendahuluan, seterusnya diikuti dengan perbincangan secara sepintas lalu atau pengenalan tentang pembinaan sesebuah keluarga. Walau bagaimanapun bab ini lebih menjurus kepada pembinaan sebuah keluarga Islam. Bab ini dibahagikan kepada beberapa topik penting yang meliputi Asas Pembinaan Keluarga Menurut al-Qur'an dan Perkahwinan Menurut Islam yang juga mengandungi beberapa topik penting seperti Hikmah dan Matlamat Perkahwinan, Kriteria Dalam Memilih Jodoh, Hukum dan Rukun Kahwin.

Bab Ketiga pula meneruskan perbincangan secara lebih terperinci tentang topik-topik yang berkaitan dengan kekeluargaan Islam. Bab ini menyentuh tentang Hak dan Tanggungjawab setiap ahli keluarga, Kehamilan dan Kelahiran Menurut

Islam, Pendidikan Anak-anak Dalam Islam dan Penyelesaian Dalam Menangani Krisis Rumah Tangga. Kesemua perbincangan dibawa secara ringkas dengan mendatangkan dalil-dalil dari al-Qur'an dan al-Hadith yang menyentuh topik-topik tertentu.

Bab Keempat, merupakan pengenalan tentang Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Bab ini didahului dengan pendahuluan dan diikuti dengan sejarah latar belakang penubuhan PPKI, objektif penubuhan PPKI, carta organisasi (peringkat pusat), struktur organisasi PPKI, jenis serta bentuk perkhidmatan PPKI, konsep PPKI dan akhirnya aktiviti / program yang dirancang oleh PPKI.

Bab Kelima, membincangkan tentang laporan penyelidikan dan analisis data. Bab ini menyentuh secara lebih terperinci tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh PPKI. Ianya meliputi perbincangan tentang objektif bagi setiap perkhidmatan yang ditawarkan oleh PPKI dan analisis modul bagi setiap perkhidmatan. Penulis juga mendatangkan dalil-dalil yang bertepatan dengan tajuk perbincangan.

Bab Keenam, merupakan bab terakhir dalam penulisan kajian. Ia mengandungi pendahuluan dan kesimpulan hasil daripada pelbagai perbincangan berkaitan dengan kajian. Di samping itu, disertakan juga beberapa saranan sebagai usaha dalam melahirkan sebuah keluarga Islam yang menepati ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah, yang mencapai kebahagiaan yang hakiki di dunia dan akhirat.

BAB 2